

23/10/1997

Kukuhkan sektor pertanian

Nik Yahya Abd Rahman

NEGARA kita sedang menghadapi masalah defisit imbalan pembayaran (IP) yang ketara berikutan kejatuhan nilai ringgit. Dua tahun lalu, defisit IP negara ialah RM18.7 bilion dan 1996 menurun kepada RM11.49 bilion.

Bahan makanan dan input pertanian adalah antara penyumbang kepada defisit itu.

Pada masa yang sama, tahap import barangan negara termasuk makanan dari luar negara terus meningkat. Tahun lalu, jumlah makanan diimport termasuk ternakan, tanaman dan ikan adalah sebanyak RM7.14 bilion.

Jika diambilkira input seperti makanan ternakan, ubatan ternakan, racun tanaman dan juga baja, jumlah import keseluruhan ialah RM10.03 bilion. Berbanding import barangan yang lain, peratusan bahan makanan serta input hasil pertanian kepada jumlah defisit IP ialah 27 peratus.

Di segi IP pula, nilai import ternakan berbanding eksport ialah RM401 juta. Komoditi tanaman RM2.2 bilion dan ikan RM43 juta sahaja. Sementara input untuk hasil pertanian pula RM2.1 bilion. Secara keseluruhan, defisit imbalan bagi makanan serta input pertanian ialah RM5.1 bilion.

Menyedari hakikat berkenaan dan bersesuaian dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud mengambil inisiatif mengadakan perjumpaan dengan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri pada 2 Oktober lalu di Wisma Tani, Kuala Lumpur.

Tujuan perjumpaan itu bagi membincangkan langkah meningkatkan pengeluaran hasil pertanian selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit akaun semasa IP, di samping usaha menangani masalah inflasi, khususnya kenaikan harga barangan makanan.

Dr Sulaiman menjelaskan negara kita mengalami beberapa kejutan ekonomi akhir-akhir ini termasuk kejatuhan nilai ringgit di pasaran mata wang dan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Keadaan jerebu yang melanda negara juga menyebabkan keresahan di kalangan rakyat jelata. Berikutan itu, menjadi tanggungjawab kerajaan mengembalikan keyakinan rakyat keseluruhannya.

"Nilai import makanan bagi 1996 berjumlah lebih daripada RM10 bilion. Import hasil tanaman bernilai lebih daripada RM4 bilion diikuti oleh hasil ternakan RM1.5 bilion dan import RM824 juta dan lain-lain jenis makanan RM763 juta. Import bahan input untuk kegunaan pertanian ialah RM3.6 juta. Di antaranya ialah makanan ternakan RM1.8 bilion dan baja RM44 juta," jelas beliau.

Dalam menangani masalah berkenaan, kita sama-sama boleh menyumbang kepada usaha kerajaan dengan meningkatkan pengeluaran bahan makanan di semua peringkat. Kita perlu membincangkan langkah serta merta dan jangka sederhana yang harus dilaksanakan untuk tujuan berkenaan.

"Kerajaan negeri harus sama-sama terbabit untuk meningkatkan pengeluaran pertanian. Dalam hal ini tanah adalah sumber asas yang di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

"Alasan kekurangan tanah yang sesuai untuk tujuan pertanian tidak boleh dijadikan sebab untuk tidak bertindak. Sebaliknya sumber tanah yang sedia ada perlu digembeling untuk kegunaan pelbagai kegiatan pertanian seperti tanaman, ternakan dan perikanan. Usaha mengenalpasti tanah yang sesuai perlu dijalankan segera supaya dapat diserahkan kepada pengusaha yang akan meningkatkan hasil pertanian," ujar Dr Sulaiman.

Katanya lagi, kerajaan Negeri dan jabatan agensi yang terbabit hendaklah

mengakui yang masalah berkenaan sebagai satu cabaran, seterusnya menggembeling semua jentera yang ada di semua peringkat ke arah menjayakan usaha murni ini.

Pertengahan bulan Mei 1997, ringgit mulai mengalami tekanan berikutan serangan spekulasi terhadap bath Thailand. Ringgit sebelum ini diurus niaga dalam jajaran RM2.48 hingga RM2.52 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Dalam tempoh empat bulan ini, nilai ringgit mengalami kejatuhan teruk (AS\$1 = RM3.22 pada 17 Oktober). Kesannya, defisit imbalan perdagangan hasil pertanian dan makanan dijangka akan terus meningkat nilainya dari RM5.1 bilion kepada lebih kurang RM7 bilion jika import tidak dikurangkan.

Selain daripada itu, dengan kejatuhan nilai ringgit, sekiranya import terus meningkat, kadar inflasi negara akan turut meningkat. Ini menyebabkan harga makanan akan turut melambung jika tidak dikawal. Ini seterusnya akan menyebabkan kos pengeluaran hasil pertanian seperti makanan ternakan, racun, baja, benih, mesin dan sebagainya meningkat.

Di masa yang sama, negara tidak dapat mengambil kesempatan dari kejatuhan nilai ringgit untuk memperkukuhkan daya saing pengeluaran hasil pertanian untuk eksport sekiranya hasil pertanian masih bergantung kepada bahan input yang diimport.

Misalnya, di segi komoditi ternakan, import bagi makanan ternakan dan ubatan ternakan adalah RM1.8 bilion (1996), manakala bagi hasil tanaman, import bagi baja dan racun berada di tahap RM1.01 bilion.

Justeru, langkah yang sesuai perlu diambil dalam sektor kecil ternakan dengan meningkatkan usaha integral tanaman kekal dengan penternakan ruminan. Kerajaan negeri digalakkan untuk mempelawa pihak ladang getah dan kelapa sawit supaya mengamalkan "ternakan bersepadu dengan tanaman kekal" di negeri masing-masing. Didapati 1.2 juta hektar kawasan tanaman kekal dikenalpasti di seluruh negara yang boleh menternak 800,000 ekor lembu. Penempatan semula lembu berkeliaran supaya ternakan lembu dapat diamalkan secara sistematik perlu dilaksanakan.

Sementara di sektor kecil tanaman pula, Sulaiman berkata usaha meningkatkan daya penghasilan beras di kawasan jelapang sedia ada disamping menggalakkan sektor swasta membabitkan diri secara penanaman ladang seperti yang dilaksanakan di Rompin, Pahang.

"Mewujudkan zon yang sesuai untuk tanaman sayur-sayuran di negeri. Strategi dan cara pelaksanaan pembangunan industri sayur-sayuran serta kawasan yang sesuai dikenalpasti."

"Pengwujudan Taman Agroteknologi Pertanian di tiap-tiap negeri bagi tanaman sayur-sayuran. Konsep, cara pelaksanaan dan kawasan yang sesuai perlu dilakukan segera," tegas beliau.

Beliau seterusnya mencadangkan supaya petani mengamalkan tanaman secara organik untuk tujuan mengurangkan penggunaan baja yang kebanyakannya diimport sebagai suatu usaha langsung menangani masalah ini.

Melalui Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) yang dilaksanakan Jabatan Pertanian pula terbukti dapat mengurangkan penggunaan racun dan kimia. Kesannya boleh meningkatkan keberkesanan tanaman dan mengurangkan kos pengeluaran dan mesra alam sekitar. Ini seterusnya menjadikan hasil pertanian juga selamat kepada pengguna.

Dr Sulaiman juga mencadangkan agar penanaman buah-buahan tempatan diperluaskan di kawasan yang dikenalpasti. Kerajaan Negeri dipohon untuk melaksanakan projek di kawasan itu.

Katanya, Kementerian Pertanian akan melaksanakan program pertanian di tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuan di bawah kawalan agensi/jabatan di bawahnya. Sementara pihak Kerajaan Negeri dipohon memberi kerjasama dan mengambil inisiatif di negeri masing-masing.

Untuk sektor kecil perikanan pula, Dr Sulaiman memberitahu yang kawasan

seluas 44,000 hektar dikenalpasti di Semenanjung Malaysia, 15,355 hektar di Sarawak dan 50,000 hektar di Sabah didapati sesuai untuk dizonkan untuk kegiatan akuakultur.

Dalam usaha itu juga, kerajaan negeri diseru melaksanakan ternakan ikan di dalam tasik, sungai dan kawasan bekas lombong seperti yang dilakukan di negeri Perak.

Dalam aspek pemasaran pula, Dr Sulaiman mencadangkan supaya semua pihak meningkatkan keupayaan pengedaran dan pemasaran melalui Majlis Tempatan bagi membolehkan penyediaan ruang untuk pasar tani, penjaja dan peniaga kecil bergerak bagi menggalakkan jualan terus.

Sesungguhnya, memandangkan jumlah perbelanjaan import untuk makanan agak tinggi, adalah wajar negara mengambil tindakan serta merta untuk mengurangkan import makanan sebagai langkah mengurangkan tekanan daripada kejatuhan nilai ringgit terhadap ekonomi negara.

Namun demikian, pengurangan import makanan hanya boleh dilaksanakan jika pengeluaran hasil pertanian tempatan dapat ditingkatkan segera.

Justeru, adalah wajar kerajaan negeri dan pihak swasta mempertimbangkan langkah yang dicadangkan untuk membantu negara mencapai tujuan berkenaan. Disamping itu, bagi barangan import makanan dan input pertanian yang tidak boleh dikeluarkan dalam negara secara berekonomi atau atas dasar "agro-climatic" dan kesesuaian tanah, usaha bagi mempelbagaikan punca import khususnya dari segi mencari sumber import yang lebih murah perlu dilaksanakan.